

# Rezeki remis ombak bergelora

HM 16/1/25 P96

**Kuala Nerus:** Keadaan laut bergelora dan ombak besar bukan halangan bagi seorang nelayan mencari remis untuk dijual bagi menyara kehidupan ketika musim Monsun Timur Laut (MTL).

Rozman Kamaruddin, 40, dari Kampung Pengkalan Atap, Batu Rakit di sini, berkata dia mencari remis setiap kali tiba musim tengkujuh kerana keadaan laut bergelora serta angin kencang menghalang nelayan turun ke laut.

Katanya, setiap hari dia akan ke pantai kampung berkenaan mencari remis dengan menggunakan peralatan khas yang dibuat sendiri.

“Kaedah mencari remis menggunakan peralatan khas ini adalah cara orang dulu-dulu dan ia dilakukan ketika ombak besar,” katanya.

Rozman berkata, alat berkenaan diletakkan di dalam air dan ditarik menggunakan kayu atau tali bagi mengaut pasir dan jika ada remis ia akan terperangkap dalam alat berkenaan” katanya ditemui sedang menjalankan aktiviti itu di pantai kampung berkenaan.

Katanya, dia ke pantai berkenaan sendirian mulai jam 3 petang setiap hari dan pulang jam 5 petang.

“Dapatlah juga ha-

silnya walaupun tak banyak,” katanya yang sudah menjadi nelayan pantai menggunakan bot gentian kaca bersama rakan sejak lebih 20 tahun lalu.

Menurutnya, satu ketika dahulu, mencari remis menggunakan peralatan berkenaan ketika laut bergelora menjadi aktiviti golongan nelayan di kawasan pantai berkenaan tetapi kini ia semakin kurang.

“Remis mudah didapati ketika musim laut bergelora dan saiznya pula besar. Jika banyak hasilnya, saya akan pulang sekitar jam 6 petang, jika kurang hasilnya saya akan pulang awal.

“Tidak berani berada di pantai sehingga lewat petang walaupun banyak hasil yang dapat kerana laut semakin bergelora dan air pasang besar apabila menjelang malam dan bahaya kerana ombak sangat besar,” katanya.

Menurut Rozman, hasilnya tangkapannya tidak menentu, jika bernasib baik dia mampu memperolehi sebanyak hampir dua kilogram remis dan makanan laut dijual sebagai rezeki sampingan.

“Remis ini saya masukkan dalam tin susu pekat dan menjual di sekitar kampung sahaja dengan harga RM5 bagi setiap satu tin.

“Sekali tangkapan, hasilnya bolehlah sekitar RM20 hingga RM30. Bolehlah buat tampung perbelanjaan harian sementara dapat kembali semula ke laut selepas laut kembali reda,” katanya.



**ROZMAN** mencari remis menggunakan peralatan khas ketika laut bergelora.

